

## Permulaan untuk Memenuhi Keperluan Pendidikan Masyarakat

Kolej Cosmopoint Sabah dan Sarawak Menyambut Majlis Konvokesyen Yang Ke-21

**Kota Kinabalu, 27 Ogos 2016** – Majlis Konvokesyen ke-21, edisi Malaysia Timur merupakan kesempatan terbaik untuk meraikan pelajar-pelajar dari Kolej Cosmopoint Sabah dan Sarawak yang menerima skrol masing-masing dalam majlis tersebut, yang berlangsung Sabtu lalu. Para graduan yang telah dinobatkan adalah dari Fakulti Teknologi Perniagaan dan Perakaunan, Hospitaliti dan Pengurusan Pelancongan, Senireka Kreatif, serta Sains Kesihatan.

Majlis ini dihadiri oleh pelajar-pelajar dari Kolej Cosmopoint cawangan Kota Kinabalu dan Kuching, ibu bapa yang berbangga dan kakitangan Kolej Cosmopoint. Turut hadir pada majlis ini adalah Encik Kamal Nawawi, Ketua Pegawai Eksekutif Cosmopoint Sdn Bhd.

Menurut Encik Kamal Nawawi, “Kolej Cosmopoint meraikan ulangtahunnya yang ke-25 tahun ini, dan kejayaan pelajar kami menjadi bukti sejauh mana institusi kami telah melangkah ke hadapan. Sejak bermula pada tahun 1991, kami kini telah mempunyai 11 kampus seluruh negara, dan ini membuktikan komitmen dalam mengekalkan pendirian kami sebagai peneraju utama pendidikan tinggi yang berkualiti dan berpatutan.”

Tahun ini juga memperlihatkan peningkatan dari segi bilangan graduan berbanding tahun sebelumnya. Sejumlah 731 pelajar telah menamatkan pengajian mereka pada tahun ini, peningkatan sebanyak 43.6% telah ditunjukkan berbanding jumlah graduan tahun lepas iaitu seramai 509 pelajar.

Noorizan Tadin, pelajar terbaik yang merangkul Anugerah Bestari dengan memperolehi CGPA 4.00 berkata, “Saya pastinya terhutang budi kepada Kolej Cosmopoint dengan pencapaian ini. Menjadi seorang ibu kepada tiga orang cahaya mata, usaha untuk berjaya pastinya bukan sesuatu yang mudah. Pada permulaan, saya menghadapi kesukaran untuk membahagikan masa antara keluarga dan pengajian saya. Bagaimanapun, dengan

bimbingan yang betul dan keazaman saya sendiri, saya telah berjaya hingga ke tahap ini dan untuk itu, saya perlu mengucapkan terima kasih kepada Kolej Cosmopoint” Noorizan merupakan graduan Seni Pastri dari Fakulti Hospitaliti dan Pengurusan Pelancongan.

Sehingga kini, Kolej Cosmopoint Sabah dan Sarawak menawarkan program Diploma di dalam jurusan Teknologi Maklumat, Pengurusan Pelancongan, Seni Kulinari, Senireka Grafik Berkomputer, Pengurusan Perniagaan, dan pelbagai lagi.

Di dalam Majlis Konvokesyen itu, satu acara menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) turut diadakan dan ini membuktikan ikatan yang kukuh wujud di antara Kolej Cosmopoint Kota Kinabalu dengan pemain-pemain industri seperti Al Quds Travel Sdn Bhd, The Klagan Regency Kota Kinabalu, Concorde Inn KLIA Hotel Sepang, TYH Borneo Tours & Travel Sdn Bhd dan Promenade Hotel Kota Kinabalu, serta lain-lain lagi.

Pada awal tahun ini, Kolej Cosmopoint Kota Kinabalu juga telah menandatangani usahasama dengan University of Central Lancashire (UCLan) dalam menawarkan program artikulasi untuk graduan Diploma dalam bidang Perakaunan dan Aplikasi Multimedia.

“Saya dengan ikhlas ingin mengucapkan tahniah kepada semua graduan di atas kejayaan mereka, walaupun pengajian mereka telah berakhir, saya menyeru kepada mereka semua untuk mempraktikkan segala yang telah dipelajari di sini dan terus membuatkan Kolej Cosmopoint berbangga,” tambah Kamal lagi.

Dengan moto teras mereka, ‘Kolej Transformatif Setempat Anda’, Kolej Cosmopoint berusaha untuk memenuhi kehendak komuniti melalui pembelajaran secara praktikal. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Kolej Cosmopoint dan program-program yang ditawarkan, sila layari: [www.cosmopointcollege.edu.my](http://www.cosmopointcollege.edu.my).

TAMAT

### **Mengenai Kolej Cosmopoint**

Kolej Cosmopoint telah ditubuhkan pada tahun 1991 dengan sejumlah 11 kampus yang terletak di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak menyediakan keperluan pendidikan kepada seluruh masyarakat. Cosmopoint telah melahirkan seramai lebih 100,000 siswazah di seluruh negara. Institusi ini menyediakan pendidikan yang berkualiti berasaskan pengalaman dunia sebenar, bagi membimbing pelajar tempatan dan antarabangsa dalam memacu kecemerlangan akademik. Kolej Cosmopoint kini menawarkan program-program industri seperti IT, Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, E-Kesetiausahaian, Multimedia, Rekabentuk Grafik, Senireka Fesyen, Penyiaran dan Filem, Seni Kulinari dan Fisioterapi. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cosmopointcollege.edu.my](http://www.cosmopointcollege.edu.my)

### **Mengenai Syarikat Kumpulan Cosmopoint**

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) dan Kolej Cosmopoint berada di bawah pengurusan Syarikat Kumpulan Cosmopoint, ianya telah bertapak kukuh lebih daripada 25 tahun dengan penyediaan pengalaman pembelajaran yang praktikal serta mempunyai pelbagai kurikulum yang menepati kehendak pasaran semasa. KLMUC adalah sebuah kampus di dalam bandar dan Kolej Cosmopoint mempunyai lebih daripada 11 cawangan di seluruh Malaysia.

Syarikat Kumpulan Cosmopoint berada di bawah kawal selia Kumpulan ILMU Berhad (ILMU), antara kumpulan integrasi peneraju pendidikan di Malaysia, dengan pelbagai portfolio institusi merangkumi semua peringkat: rendah, menengah (K-12) dan pendidikan tinggi.



Untuk sebarang pertanyaan media:

**Kumpulan Cosmopoint Sdn Bhd**

**Elyantie Mohamed**

**Pengurus, Penjenamaan & Komunikasi**

Tel: (603) 2604 6113

E:elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my

**Yasmin Yusoff**

**Pegawai Kanan, Penjenamaan & Komunikasi**

Tel: (603) 2604 6121

E:ainulyasmin.myusoff@cosmopoint.com.my